

# 'Tun M bukan diktator'

Sinar Harian - 27/3/2019 M/S: 3

**Hadi sifatkan  
PM tegas  
menghadapi  
barisan Kabinet  
yang lemah**

JANATUL FIRDAUS  
YAACOB

KUALA LUMPUR

**P**residen Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang tidak bersetuju Tun Dr Mahathir dilabel sebagai diktator.

Sebaliknya, beliau menyifatkan Dr Mahathir seorang Perdana Menteri yang tegas.



Abdul Hadi ketika ditemui media di lobi Parlimen semalam.

Abdul Hadi berkata demikian bagi 'memperbetulkan' dakwaan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar yang melabel Dr Mahathir seba-

gai bekas diktator.

Ketika ditemui di lobi Parlimen semalam, walaupun tanpa diminta wartawan, Abdul Hadi secara terbuka mengulas kenya-

taan Nurul Izzah itu.

"Saya nak komen tentang kenyataan yang katakan Tun Mahathir diktator. Itu bukan diktator, itu tegas kerana beliau dipilih secara demokratik dalam pilihan raya dan PH yang pilih beliau sebagai Perdana Menteri. Bukan beliau lantik diri sendiri.

"Apa yang penting ialah ketegasan. Tegas menghadapi ahli Kabinet yang lemah," kata Ahli Parlimen Marang itu.

Jumaat lalu, Nurul Izzah dalam wawancara dengan akhbar Singapura, *The Straits Times* menyifatkan Dr Mahathir sebagai bekas diktator dan mengakui sukar bekerja dengan Pengerusi PH itu.